From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SOL UUM, NADMA TEROKA KERJASAMA STRATEGIK DALAM UNDANG-UNDANG DAN TADBIR URUS BENCANA
Date: Thursday, 13 August, 2026 9:10:23 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

13 OGOS 2026 / 29 SAFAR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Muhammad Nazrul Abd Rani

SOL UUM, NADMA TEROKA KERJASAMA STRATEGIK DALAM UNDANG-UNDANG DAN TADBIR URUS BENCANA



UUM ONLINE: PUTRAJAYA, 13 Ogos 2026: Pusat Pengajian Undang-Undang (SOL), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan kunjungan hormat ke Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi membincangkan potensi kerjasama dalam bidang undang-undang dan tadbir urus bencana.

Delegasi SOL telah diketuai oleh Penolong Naib Canselor, UUM COLGIS, Prof. Dr. Harlida Abdul Wahab merangkap Dekan Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM. Turut hadir ialah Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Dr. Haslinda Mohd Anuar dan Pensyarah Kanan, SOL, Dr. Muhammad Nazrul Abd Rani.

Kunjungan tersebut telah disambut oleh Pengarah Seksyen Dasar dan Perancangan, NADMA, Rusli Ibrahim bersama pegawai-pegawai NADMA.

Dr. Harlida berkata, kunjungan ini bertujuan untuk mengadakan perbincangan bersama pihak NADMA mengenai bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan bersama, termasuk projek penyelidikan, sesi libat urus, perkongsian kepakaran serta aktiviti akademik dan profesional berkaitan pengurusan bencana.

Kunjungan ini merupakan salah satu aktiviti Kumpulan Penyelidikan Undang-undang Alam Sekitar, SOL dalam memperkukuhkan jaringan dengan agensi kerajaan dan pemegang taruh dalam bidang perundangan, alam sekitar dan tadbir urus bencana.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak telah bertukar pandangan mengenai isu dan perkembangan semasa dalam pengurusan bencana, khususnya dari aspek undang-undang, institusi dan tadbir urus. Perbincangan turut memberi tumpuan kepada bidang yang berpotensi untuk diterokai melalui kerjasama antara SOL dengan NADMA.

Kerjasama antara institusi akademik dan agensi kerajaan penting bagi menggalakkan perkongsian kepakaran serta memperkukuhkan penyelidikan yang dapat menyokong pembangunan dasar dan tadbir urus bencana yang lebih berkesan dan terselaras.

Kunjungan tersebut mencerminkan komitmen SOL untuk memperkukuh hubungan strategik dengan agensi kerajaan, di samping memperluas sumbangan kepakaran akademik universiti dalam pembangunan dasar, perundangan dan tadbir urus bencana di Malaysia.





Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.